



PENYATA
JAWATAN-KUASA ANTARA KERAJAAN
BERKENAAN DENGAN MALAYSIA

1962

1579

Harga: \$1

BAB II
Penubohan Persekutuan Malaysia

10. Persekutuan itu akan mengandungi Negeri² dalam Persekutuan Tanah Melayu, Sabah (pada masa ini di-sebut Borneo Utara), Sarawak dan Singapura dan juga Negeri Brunai, jika di-chapai persetujuan dalam perkara memasokkan Negeri itu. Nama Persekutuan itu ia-lah Malaysia.
11. Jawatan-Kuasa ini mengambil ingatan akan maksud yang tersebut pada perenggan 4 dalam kenyataan 'awam bersama itu (Kembaran C) ia-itu hendak membuat satu perjanjian resmi mengandungi susunan² perlembagaan yang lengkap termasuk jaminan² bagi memelihara kepentingan² khas Borneo Utara dan Sarawak. Bagi melaksanakan maksud ini maka antara kembaran² kepada perjanjian resmi itu hendak-lah termasuk:
- (a) satu Rang Undang² yang akan di-bawa ka-Parlimen Tanah Melayu bagi meminda Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu untuk menyempurnakan apa² yang perlu bagi Borneo Utara dan Sarawak dan bagi menukar nama Persekutuan;
 - (b) Deraf Perlembagaan² Negeri yang akan di-sembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dalam Majlis Meshuarat.
12. Jawatan-Kuasa ini telah mengkaji Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan dalam Penyata ini ada di-sebutkan pindaan², termasuk isi² kandungan sementara, yang pada fikiran Jawatan-Kuasa ini mustahak bagi menyempurnakan apa² yang perlu untuk Borneo Utara dan Sarawak (kemudian daripada ini di-sebut Negeri² Borneo) dan terta'alok kepada pindaan² ini dan kepada pindaan² yang mustahak berthabit dengan mana² Negeri lain yang akan masuk Persekutuan Malaysia itu, bersetuju bahawa Perlembagaan Persekutuan Malaysia itu akan berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sa-bagaimana ia di-pakai berthabit dengan Negeri² yang pada masa ini ia-lah Negeri² Persekutuan Tanah Melayu. Penyata ini akan di-bentangkan dalam Majlis Undangan Borneo

Utara dan Majlis Negeri Sarawak. Jika di-luluskan oleh Majlis² itu, contoh perjanjian resmi akan di-karang dan di-tanda tangani oleh wakil² United Kingdom, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara dan Sarawak.

13. Jawatan-Kuasa ini ma'alom bahawa keadaan susunan² perlembagaan yang akan di-rundingkan dengan Negeri Singapura bersangkut dengan Persekutuan Malaysia bukan-nya perkara yang termasuk dalam tugas² kewajipan-nya. Akan tetapi sa-tengah² daripada shor² Jawatan-Kuasa ini, mithal-nya tentang kandungan Mahkamah Tertinggi Persekutuan, dan penubohan Mahkamah² Tinggi wilayah dalam beberapa hal boleh di-pakai dan dalam beberapa hal bagi semua wilayah yang lain pula hendak-lah banyak yang di-samakan. Oleh hal yang demikian dalam beberapa karinah, shor² itu ada-lah di-karang sa-chara 'am yang boleh di-pakai bagi seluruh Malaysia, dan Jawatan-Kuasa ini menyatakan bahawa ia berharap shor² ini akan dapat di-terima berkenaan dengan Singapura dan berkenaan dengan Negeri Brunei sa-kira-nya Negeri itu memasoki Persekutuan Malaysia.

14. Dalam sa-tengah² perkara Jawatan-Kuasa ini bersetuju bahawa apa² yang mustahak bagi Negeri² Borneo boleh-lah di-sempurnakan dengan jalan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu membuat janji atau memberi jaminan bukan-nya dengan jalan mengadakan isi² kandungan Perlembagaan, dan perkara yang demikian ada di-sebutkan dalam sekshen² yang berkenaan dalam Penyata ini. Jawatan-Kuasa ini bersetuju bahawa janji² yang lebeh penting hendak-lah di-masokkan dalam perjanjian resmi dan memikirkan bahawa janji² dan jaminan² yang lain boleh-lah di-uruskan dengan jalan utus mengutus antara Kerajaan yang berkenaan.

pelajaran Islam atau kerana mengajar agama Islam mengikut Perkara 12 (2) maka Kerajaan Malaysia akan memberi pula bantuan wang yang berpatutan banyak-nya kepada Kerajaan Borneo Utara dan Sarawak bagi maksud² kebajikan masharakat dalam negeri² itu. Apa² bantuan wang yang di-bayar oleh Kerajaan Malaysia daripada hasil loteri yang di-jalankan oleh Lembaga Loteri Kebajikan Masharakat tiada akan di-sifatkan sa-bagai bayaran daripada khazanah Persekutuan dalam perkara ini.

(4) Perkara 38 (2) (b) dan (6) (d) mengenai kuasa Majlis Raja² berkenaan dengan meluaskan perbuatan, 'amalan atau upachara agama ka-seluruh Persekutuan itu, tiada boleh di-pakai di-Negeri² Borneo.

Imigeresen

16. Peratoran² yang di-bawah ini hendak-lah di-pakai:

- (a) Imigeresen ka-Malaysia hendak-lah terus menjadi perkara yang terkandung dalam Senarai Persekutuan, tetapi undang² hendak-lah di-gubal oleh Parlimen Persekutuan untuk menentukan bahawa orang² yang masok ka-Negeri² Borneo hendak-lah mendapat kebenaran negeri yang berkenaan kechuali sa-bagaimana yang di-tentukan dalam perenggan kechil (f) di-bawah ini;
- (b) Perlembagaan Persekutuan hendak-lah di-pinda supaya Parlimen Persekutuan boleh membuat undang² untuk mengawal perjalanan orang² antara Persekutuan yang ada sekarang dengan sa-buah negeri baharu atau antara negeri² baharu kerana apa² sebab (ia-itu bukan sahaja sebab² yang di-tetapkan dalam Perkara 9 (2));
- (c) Kerajaan Persekutuan hendak-lah memberi akuan dalam perjanjian resmi bagi menubuhkan Malaysia akan meluluskan sa-belum Hari Malaysia satu undang² yang berjalan kuat-kuasa-nya pada Hari Malaysia. Deraf undang² itu hendak-lah di-persetujui oleh Kerajaan Negeri² Borneo dan di-jadikan jadual kepada perjanjian resmi itu. Rengkasan-nya ada-lah di-terangkan dalam perenggan kechil (f) di-bawah ini;
- (d) Perlembagaan Persekutuan hendak-lah di-pinda supaya menentukan bahawa undang² ini tiada boleh di-pinda atau di-mansokhkan manakala ia di-pakai di-sabua Negeri Borneo dengan tiada mendapat persetujuan Kerajaan Negeri yang berkenaan;
- (e) Perlembagaan Persekutuan hendak-lah di-pinda bagi menentukan bahawa isi² kandungan yang tersebut dalam perenggan kechil (b) dan (d) tiada boleh di-pinda atau di-mansokhkan manakala di-pakai bagi sa-sabua negeri Borneo dengan tiada persetujuan Kerajaan Negeri yang berkenaan;